

SOALAN NO: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN : 37

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kementerian dalam memulakan Dana Kanser Nasional seperti kerajaan Negeri Selangor untuk membantu pesakit kanser dan keluarga mereka. Apakah langkah-langkah lain oleh Kementerian untuk membantu pesakit supaya tidak muflis akibat kos rawatan dan ubat kanser.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meringankan bebanan pesakit termasuklah pesakit kanser terhadap kos rawatan dan ubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan supaya kadar caj maksimum bagi pesakit Kelas 3 adalah tidak melebihi RM500 bagi setiap kali dimasukkan ke hospital. Pesakit termasuk pesakit kanser warga emas pula diberi pengecualian caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj sebanyak 50% bagi Pesakit Kelas 3 di hospital KKM.

Untuk makluman YB Klang, ubat-ubatan adalah dibekalkan secara PERCUMA kepada pesakit kanser di fasiliti KKM. Selain dari itu, KKM telah melaksanakan strategi untuk menambahbaik akses pesakit kepada ubat-ubatan yang mahal untuk rawatan kanser dan penyakit kronik yang lain. Antaranya ialah melalui kerjasama antara kerajaan dan swasta dalam hal rundingan harga, perolehan ubat melalui kaedah *Patient Assistance Scheme* serta menggalakkan pendaftaran ubat-ubatan generik atau biosomilars (jika ada). Melalui strategi ini, kos ubat yang mahal dapat dikurangkan dan lebih ramai pesakit dapat akses kepada ubat tersebut melalui KKM.